



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Aras 4, Blok E2, Kompleks E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8884 9000
Faks : 03-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.100-1/7/2 Jld. 3 (9)
Tarikh: 29 Disember 2016

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 19 TAHUN 2016

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN ELEKTIF IKHTISAS DI SEKOLAH MENENGAH

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan 10 Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) pada peringkat menengah atas bermula dengan murid Tingkatan 4 pada tahun 2017 seperti dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017**, bertarikh 2 November 2016.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bil. 1/2014 bertarikh 10 April 2014 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Ke-208 bertarikh 21 September 2015 telah meluluskan pelaksanaan MPEI di Tingkatan 4 sekolah menengah mulai tahun 2017.
3. Pelaksanaan MPEI perlu merujuk lampiran berikut:
 - 3.1 Pelaksanaan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Di Sekolah Menengah - **Lampiran 1**;
 - 3.2 Pelaksanaan Mata Pelajaran Sains Sukan - **Lampiran 2**; dan
 - 3.3 Pelaksanaan Mata Pelajaran Sains Komputer - **Lampiran 3**.

4. Surat siaran ini berkuat kuasa mulai hari pertama sesi persekolahan tahun 2017.

5. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pengetua di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k :

1. YB Menteri Pendidikan
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PELAKSANAAN MATA PELAJARAN ELEKTIF IKHTISAS (MPEI)
DI SEKOLAH MENENGAH**

PENGENALAN

1. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) MPEI mula dilaksanakan di Tingkatan 4 pada tahun 2017 bagi menggantikan 10 mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada peringkat menengah atas untuk memenuhi keperluan dan perkembangan teknologi semasa.
2. KSSM MPEI telah ditambah baik dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah, dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing pada peringkat global.
3. Kurikulum MPEI digubal berdasarkan kompetensi yang merujuk kepada standard industri, badan profesional serta badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa. MPEI juga menyediakan asas yang kukuh bagi murid melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar dan secara langsung menguasai kompetensi standard industri.

PELAKSANAAN

4. Senarai MPEI yang baharu adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai MPEI yang baharu.

BIL.	MATA PELAJARAN ELEKTIF KBSM	MATA PELAJARAN ELEKTIF IKHTISAS (MPEI)
1.	Teknologi Kejuruteraan	Asas Kelestarian
2.	Sains Pertanian	Pertanian
3.	Ekonomi Rumah Tangga	Sains Rumah Tangga
4.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Sains Komputer
5.	Ekonomi Asas	Ekonomi
6.	Perdagangan	Perniagaan
7.	Lukisan Kejuruteraan	Grafik Komunikasi Teknikal
8.	Prinsip Perakaunan	Prinsip Perakaunan*
9.	Reka Cipta	Reka Cipta*
10.	Sains Sukan	Sains Sukan*

*Nama mata pelajaran dikekalkan.

5. Pihak sekolah hendaklah menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah bagi semua mata pelajaran MPEI yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
6. Peruntukan masa minimum bagi MPEI adalah **96 jam setahun**. Pihak sekolah perlu menyediakan jadual waktu persekolahan berdasarkan peruntukan masa tersebut.
7. MPEI yang ditawarkan di sekolah hendaklah menggunakan infrastruktur, peralatan, dan guru mata pelajaran elektif (KBSM) sedia ada bagi memenuhi keperluan kurikulum mata pelajaran.

8. Bagi sekolah yang ingin menambah dan menawarkan MPEI perlulah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. mempunyai bilangan bilik darjah atau ruang fizikal yang mencukupi dan sesuai untuk pelaksanaan mata pelajaran;
 - ii. mendapat kebenaran penawaran mata pelajaran daripada Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru di negeri masing-masing;
 - iii. mempunyai peralatan serta guru berkelayakan mengikut keperluan kurikulum mata pelajaran berkaitan; dan
 - iv. minimum bilangan murid adalah 15 orang.

GERAN PER KAPITA (PCG)

9. Peruntukan PCG bagi MPEI adalah mengikut Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012 yang sedang berkuat kuasa.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

10. Pentaksiran Sekolah (PS) dilaksanakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berpandukan standard prestasi yang dinyatakan dalam DSKP.
11. Perekodan tahap penguasaan murid boleh menggunakan templat yang telah disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan boleh dimuat turun daripada laman sesawang <http://bpk.moe.gov.my>.

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN SAINS SUKAN

PENGENALAN

Pelaksanaan mata pelajaran Sains Sukan berkuat kuasa mulai sesi persekolahan tahun 2017 bagi Tingkatan 4. Mata pelajaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengenalan kepada pengetahuan, kemahiran dan pengalaman asas Sains Sukan yang menjurus kepada perkembangan dalam sukan. Mata pelajaran ini sesuai kepada murid yang aktif dalam sukan sebagai atlet sekolah, kebangsaan dan antarabangsa.

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN SAINS SUKAN

a. Peruntukan Masa

Peruntukan masa minimum bagi KSSM MPEI Sains Sukan adalah 96 jam setahun.

b. Penyusunan Jadual Waktu

Waktu mata pelajaran Sains Sukan boleh dilaksanakan secara berterusan bagi satu sesi pengajaran dan pembelajaran. Tujuannya supaya murid dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terdapat dalam mata pelajaran Sains Sukan secara teori dan praktikal secara berterusan.

c. Kebenaran Menawarkan Mata Pelajaran Sains Sukan

Sekolah yang hendak menawarkan mata pelajaran Sains Sukan mesti mendapat kelulusan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru di negeri masing-masing.

d. Guru

Mata pelajaran Sains Sukan hendaklah diajar oleh guru yang berkelulusan Ijazah Pendidikan Jasmani, Sains Sukan atau yang setaraf dengannya.

e. Bilangan Murid

Sekolah boleh membuka kelas Sains Sukan dengan bilangan murid sekurang-kurangnya 15 orang.

f. Peralatan

Sekolah perlu mempunyai peralatan asas yang sesuai dengan kehendak Kurikulum Sains Sukan.

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN SAINS KOMPUTER

PENGENALAN

Pelaksanaan mata pelajaran Sains Komputer berkuat kuasa mulai sesi persekolahan tahun 2017 bagi Tingkatan 4. Mata pelajaran Sains Komputer merupakan kesinambungan mata pelajaran Asas Sains Komputer pada peringkat menengah rendah dan memberi fokus kepada pemikiran komputasional.

PELAKSANAAN

Sekolah yang bercadang untuk menawarkan mata pelajaran Sains Komputer perlu memenuhi syarat dan kriteria berikut:

a) Kelengkapan Fizikal

Memiliki sebuah makmal komputer yang mempunyai kelengkapan capaian Internet dengan sekurang-kurangnya mempunyai 20 unit komputer.

b) Perkakasan Komputer

- Pemproses – Intel(R) Pentium(R) Dual Core atau setara
- RAM (GB) – 2 GB
- Cakera keras (saiz) – 500 GB
- Pemacu DVD – DVD-RW
- Sistem Pengoperasian – Windows XP (x86) dengan *Service Pack 3* atau setara
- Sambungan Internet (LAN/WIFI)

c) Perisian

- Perisian Sistem Pengendalian Windows atau Linux atau setara
- Perisian aplikasi:
 - *Microsoft Office* atau *StarOffice*
 - *Microsoft Access* atau yang setara

- *JAVA* atau setara
- *Internet Browser*
- *WAMP* atau *XAMPP*
- *Notepad*
- Perisian sumber terbuka yang setara untuk PdP bidang Pengaturcaraan dan Pangkalan Data.

Semua perisian yang digunakan di sekolah **mesti mempunyai lesen yang sah** sama ada yang dibekalkan atau dimuat turun secara percuma. Guru perlu menyesuaikan perkakasan dan perisian yang ada di sekolah berdasarkan kandungan kurikulum untuk melaksanakan PdP.

d) Guru

Mata pelajaran Sains Komputer hendaklah diajar oleh guru opsyen Teknologi Maklumat atau memiliki diploma/ ijazah/ sarjana dalam Sains Komputer/ Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau yang setaraf dengannya.

e) Murid

- Murid perlu mempunyai asas literasi ICT
- Nisbah bilangan komputer dengan murid adalah 1:1